



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

MAJLIS BERTAHLIL

**BAGI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR ‘ALI SAIFUDDIEN SA’ADUL KHAIRI WADDIEN,
AL-MARHUMAH DULI RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT DAN
AL-MARHUM DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA HAJI
‘ABDUL ‘AZIM DI KUBAH MAKAM DIRAJA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI
DAN KAKITANGAN LELAKI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
SERTA JABATAN-JABATAN
DI DALAMNYA SEMPENA BULAN RAMADHAN TAHUN 1446H/2025M**

Hari Rabu, 04 Ramadhan 1446H / 05 Mac 2025M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji ‘Abdul ‘Azim sempena bulan Ramadhan 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat bagi Majlis Bertahlil ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, beserta pegawai dan kakitangan lelaki yang beragama Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yaasiin dan diikuti dengan bacaan tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Md Redzuan bin Haji Marjuki, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampong Kilanas.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi disamping mengeratkan hubungan silaturrahim diantara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian ini serta Jabatan-Jabatan di dalamnya. Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Emel: pr@mofe.gov.bn

Tarikh: 04 Ramadhan 1446H

05 Mac 2025M

Rujukan: KKW/ADM/15 Pt.2